

MPN, BH anjur wacana ilmiah

Putrajaya: Majlis Profesor Negara (MPN) dan akhbar BH akan menganjurkan wacana ilmiah menghimpunkan ahli akademik dan badan bukan kerajaan (NGO) dari seluruh negara bagi membicarakan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13).

Wacana bertajuk 'Pra PRU-13: Siapa Jadi Pilihan?' akan diadakan pada 17 Januari ini di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Wacana itu akan menilai aliran semasa sokongan dan keupayaan parti yang bertanding dalam mengekalkan kerusi masing-masing, selain mengupas intipati ucapan pengulangan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak, ketika Perhimpunan Agung UMNO yang lalu.

Beri kesedaran kepada rakyat
Pengerusi Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa MPN, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata wacana bersama itu bertujuan

memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia bahawa PRU bukan wadah bagi rakyat memilih sesuatu yang remeh.

"Sebaliknya, keputusan mereka (rakyat) itu adalah untuk masa depan negara. Apa yang penting adalah isu hala tuju dan dasar negara terhadap pembangunan yang memanfaatkan rakyat.

Parti politik tak terbabit

"Wacana ini perlu diadakan secara ilmiah tanpa membabitkan mana-mana parti politik dalam membentuk pemikiran rakyat," katanya selepas menghadiri mesyuarat bersama pengurusan BH di pejabat MPN di sini, semalam.

Hadir sama Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mior Kamarul Shahid; Pengerusi MPN, Prof Datuk Seri Dr Zakri Abdul Hamid; Pengarang Rencana BH, Azhar Abu Samah; Pengarang Berita BH, Kadir Dikoh dan Ketua Komunikasi Korporat New Straits



Zakri (dua dari kanan) mempengerusikan mesyuarat bersama Mior Kamarul (kanan) dan Mohamed Mustafa Ishak (tiga dari kanan) ketika **Mesyuarat Majlis Profesor Negara** di Kementerian Pengajian Tinggi.

(FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH)

Times Press (NSTP), Wan Abdilllah Wan Nawi.

Senarai tokoh beri pandangan

Antara tokoh akademik yang dijangka memberi pandangan pada wacana sehari itu ialah Timbalan Pengerusi MPN, Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, yang juga Pengarah Institut Kajian Etnik, Universiti kebangsaan Malaysia (UKM).

Bekas Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang juga Profesor di Jabatan Komunikasi Kuliyyah Pengajian Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Prof Datuk Dr Syed Arabi Idid.

Timbalan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Sivamurugan Pandian dan Profesor Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia

(UPM), Prof Dr Jayum Jawan. Pensyarah Fakulti Sains Pentadbiran dan Polisi Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sabah, Dr Arnold Puyok; Pensyarah Fakulti Sains Sosial Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Dr Jenneri Amir dan Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Cina, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya (UM), Dr Thock Ker Phong.